

KANDUNGAN

1	١ - أحكام الطهارة
3	٢ - السواك
4	٣ - الوضوء
7	٤ - الغسل
10	٥ - التيمم
13	٦ - إزالة النجاسة
16	٧ - أحكام الحيض والنفاس والاستحاضة

الفقه

(للسنة الأولى)

FEKAH
(TING. I)

HUKUM BERSUCI

Erti Bersuci

Bersuci pada bahasa : bersih

Mengikut istilah syara': melakukan sesuatu yang mengharuskan solat didirikan seperti berwudhu¹, mandi², bertayammum dan menghilangkan najis³.

Hukum disyariatkan bersuci

Disyariatkan bersuci sebagai galakan kepada orang mukmin agar sentiasa bersih sehingga tubuh badan, pakaian dan tempat menjadi bersih

Jenis-jenis bersuci

Bersuci ada 4 jenis:

- 1- berwudhu
- 2- mandi
- 3- bertayammum
- 4- menghilangkan najis.

Alat bersuci

alat bersuci ada empat:

- 1- air
- 2- batu beristinja'
- 3- tanah
- 4- samak

Air yang boleh dibuat bersuci

Air yang boleh dibuat bersuci ada 7 jenis air iaitu:

- 1- air hujan
- 2- air laut
- 3- air sungai
- 4- air telaga
- 5- air mata air
- 6- air salji
- 7- air embun.

¹ berwudhu' bagi sesiapa yang tidak berada dalam keadaan berwudhu'.

² mandi bagi sesiapa yang diwajibkan mandi.

³ menghilangkan najis dari pakaian, badan dan tempat.

أحكام الطهارة

تعريف الطهارة

لغة: النظافة

شرعاً: فعل ما تستباح به الصلاة من وضوء وغسل وتيمم وإزالة النجاسة.

حكمة مشروعيتها

شرعت الطهارة حثاً للمؤمن على النظافة، حتى يكون حسن البدن والملبس والمكان.

مقاصد الطهارة

مقاصد الطهارة أربعة:

- | | |
|-----------|------------------|
| ١- الوضوء | ٢- الغسل |
| ٣- التيمم | ٤- إزالة النجاسة |

وسائل الطهارة

وسائل الطهارة أربعة:

- | | |
|-----------|------------------|
| ١- الماء | ٢- حجر الاستنجاء |
| ٣- التراب | ٤- الدبغ |

المياة التي يصح التطهير بها

المياة التي يصح التطهير بها سبع مياها، هي:

- | | | |
|---------------|--------------|--------------|
| ١- ماء السماء | ٢- ماء البحر | ٣- ماء النهر |
| ٤- ماء البئر | ٥- ماء العين | ٦- ماء الثلج |
| ٧- ماء البرد | | |

Bahagian Air

Tujuh jenis air tersebut terbahagi kepada lima bahagian:

- 1- **Air mutlak** : Air yang suci lagi menyucikan dan tidak makruh digunakan pada badan
- 2- **Air Musyammas** : Air yang suci lagi menyucikan tetapi makruh digunakan pada badan, iaitu dan seumpamanya seperti air yang terlalu panas atau terlalu sejuk.

Air musyammas ini hukumnya makruh apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- i- ia berlaku pada musim panas
 - ii- ia diletakkan di dalam bekas yang ditempa dari logam selain emas dan perak.
 - iii- ia berlaku di negeri beriklim panas
 - iv- ia digunakan ketika air masih panas
 - v- terdapat air lain yang bukan air musyammas
 - vi- masa lagi luas/panjang untuk mencari air lain
 - vii- tidak dibimbangiberlaku kemudharatan dengan menggunakannya.
- 3- **Air musta'mal** Air yang suci tetapi tidak menyucikan iaitu– air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas
 - 4- **Air Mutanajjis** – air najis – ia ada dua jenis:
 - i- air yang sedikit yang terjatuh ke dalamnya najis dan ianya kurang dua kolah⁴.
 - ii- air yang banyak – dua kolah atau lebih – apabila berubah⁵ dengan terjatuhnya najis ke dalamnya sama ada perubahan itu banyak atau sedikit.
 - 5- Air yang suci lagi menyucikan tetapi haram digunakan, iaitu **air yang dicuri** atau **air sabil** yang dihaskan untuk minuman orang musafir, apabila air ini digunakan dalam bersuci hukumnya sah serta berdosa.

أقسام المياه

ثم المياه السبعة السابقة تنقسم إلى خمسة أقسام:

١. الماء المطلق : طاهر في نفسه مطهر لغيره غير مكروه استعماله في البدن.
 ٢. الماء المشمس : طاهر في نفسه مطهر لغيره مكروه استعماله في البدن.
- ولا يكون مكروها إلا بالشروط الآتية:

- (١) أن يكون في زمن حار
- (٢) أن يكون في إناء من المعدن غير الذهب والفضة
- (٣) أن يكون في بلد حار
- (٤) أن يستعمل في حال حرارته
- (٥) أن يستعمل في البدن
- (٦) أن يجد غيره
- (٧) أن يكون الوقت متسعا للبحث عن غيره
- (٨) ألا يخاف ضررا من استعماله

٣. الماء المستعمل : طاهر في نفسه غير مطهر لغيره. وهو في رفع حدث.

٤. الماء المتنجس : ماء نجس – أي متنجس – وهو نوعان:

- أ- الماء القليل الذي حلت فيه نجاسة تغير أم لا، وهو ما كان دون قلتين.
 - ب- الماء الكثير (قلتين فاكثر) إذا تغير بحلول النجاسة فيه تغيرا كثيرا أو يسيرا
٥. ماء طاهر في نفسه مطهر لغيره حرام استعماله. وهو الماء المغصوب أو المسبل للشرب إذا استعمل في الطهارة فإنه يصح مع الحرمة.

⁴ ukuran dua kolah : air sebanyak 500 kati baghdadi atau 192.875 kilogram.

⁵ berubah salah satu sifat air iaitu warna, rasa atau bau air tersebut.

SIWAK / BERSUGI**Erti Siwak / Bersugi**

Siwak pada bahasa: menggosak, alat menggosak gigi (berus gigi).

Mengikut istilah Syara': menggunakan kayu – dari pohon Arak dan seumpamanya seperti berus gigi – pada gigi dan sekelilingnya bagi menghilangkan bau mulut dan seumpamanya beserta dengan niat.

Hukumnya

Bersugi adalah sunat pada setiap keadaan dan masa kerana mengikuti nabi s.a.w dan tidak makruh kecuali selepas gelincir matahari (masuk waktu Zohor) bagi orang yang berpuasa sebagai *makruh tanzih*⁶.

Tempat yang disunatkan bersugi

Tempat yang mana bersugi sangat dituntut padanya adalah seperti berikut:

- 1- ketika berubah bau mulut
- 2- ketika bangun dari tidur
- 3- ketika ingin mendirikan solat
- 4- ketika membaca al Quran, Hadis dan buku-buku ilmiah
- 5- ketika masuk ke rumah dan ketika keluar dari rumah
- 6- ketika bermusafir
- 7- ketika menghadiri perjumpaan orang ramai
- 8- ketika warna gigi kekuningan

Kelebihan bersugi

Bersugi kelebihannya banyak, antaranya:

1. Mendapat keredhaan Tuhan
2. Membersihkan mulut dan mengharumkan bau mulut
3. Mencerahkan penglihatan
4. Mengandakan pahala
5. Dapat / mudah menyebut dua kalimat syahadah ketika mati.

⁶ perkara yang tidak digalakan melakukannya

السواك

تعريف السواك

لغة: الدلك والآلة نفسها.

شرعا: استعمال عود – من أراك ونحوه كالفرشة – في الأسنان وما حولها لإزهاج التغيير ونحوه بنية.

حكمه

السواك مستحب في كل حال وفي كل زمان لمواظبته ﷺ، ولا يكره إلا بعد زوال الشمس للصائم كراهة تنزيه.

المواضع التي يستحب فيها السواك

المواضع التي يكون الاستياك أشد استحبابا فيها ما يأتي:

- | | |
|-------------------------------|------------------------------------|
| ١- عند تغير الفم | ٢- عند الاستيقاظ من النوم |
| ٣- عند القيام إلى الصلاة | ٤- عند قراءة القرآن والحديث والعلم |
| ٥- عند دخول البيت والخروج منه | ٦- عند السفر |
| ٧- عند حضور الاجتماعات | ٨- عند اصفرار الأسنان |

فضائله

للسواك فضائل كثيرة، منها:

- | | |
|-----------------------------|-------------------------------|
| (١) مرضات الرب | (٢) مطهرة الفم والمطيب للنكهة |
| (٣) مقوى للبصر | (٤) مضاعف للأجر |
| (٥) مذكر للشهادة عند الموت. | |

Pelajaran 3

WUDHU'

Erti Wudhu'

Perkataan Wudhu' pada bahasa di ambil dari perkataan Wadhaah, ertinya: elok dan bersih.

Dari segi istilah Syara': menggunakan air pada anggota yang tertentu beserta dengan niat.

Syarat Wudhu'

Syarat-syarat wudhu ialah:

1. Islam
2. *Mumaiyyiz*⁷
3. Mengetahui cara berwudhu'
4. Yakin berlaku hadas
5. Berkekalan niat wudhu' sehingga selesai wudhu'
6. Air yang digunakan berwudhu' adalah *air mutlak*
7. Mengetahui air itu adalah *air mutlak* walaupun secara *zan / sangkaan*
8. Tidak ada perkara yang menghalang di antara air dan anggota wudhu'
9. Mengalirkan air di atas anggota wudhu'
10. Tidak ada perkara yang membatalkan wudhu' seperti *haid* dan *hadas*
11. Betul-betul rata anggota yang dibasuh
12. Dibasuh bersama anggota wudhu' itu bahagian yang menyerupainya

Rukun Wudhu'

Fardu / rukun wudhu' ada enam iaitu:

- 1- Niat
- 2- Membasuh seluruh muka
- 3- Membasuh dua tangan hingga ke dua siku
- 4- Menyapu sebahagian kepala
- 5- Membasuh dua kaki hingga ke dua buku lali
- 6- Tertib

الدرس الثالث

الوضوء

تعريف الوضوء

لغة: مأخوذة من الوضوء، وهي الحسن والنظافة.

شرعا: استعمال الماء في أعضاء مخصوصة بنية.

شروط الوضوء

شروط الوضوء هي:

- | | |
|---------------------------------|---|
| (١) الإسلام | (٢) التمييز |
| (٣) معرفة كيفية الوضوء | (٤) تيقن الحدث |
| (٥) دوام النية إلى آخر العبادة | (٦) كون الماء مطلقا |
| (٧) معرفة أن الماء مطلق ولو ظنا | (٨) عدم الحائل بين الماء والعضو |
| (٩) جرى الماء على العضو | (١٠) عدم المنافي للوضوء من نحو حيض وحدث |
| (١١) أن يتحقق استيعاب المغسول | (١٢) أن يغسل مع المغسول ما هو مشبه به. |

فروض الوضوء

فروض الوضوء ستة أشياء، وهي:

- | | |
|----------------------------|--------------------|
| (١) النية | (٢) غسل جميع الوجه |
| (٣) غسل اليدين مع المرفقين | (٤) مسح بعض الرأس |
| (٥) غسل الرجلين مع الكعبين | (٦) الترتيب. |

⁷ kanak-kanak yang dapat membezakan antara kotor dan bersih

Sunat Wudhu'

Sunat-sunat wudhu itu banyak, antaranya:

1. Membaca Basmalah pada permulaannya
2. Membasuh dua tapak tangan hingga dua pergelangan tangan
3. Berkumur-kumur
4. memasukkan air ke dalam hidung
5. Menyapu seluruh kepala
6. Menyapu kedua-dua telinga – bahagian luar dan dalam
7. Menyelati janggut yang tebal
8. Menyelati antara celah-celah jari kedua-dua tangan dan kaki
9. Mendahulukan sebelah kanan daripada sebelah kiri
10. Membasuh / menyapu semua fardhu dan sunat wudhu' sebanyak tiga kali
11. Berturut-turut
12. Melebihkan basuhan bahagian kepala dan bahagian atas dua siku serta buku lali
13. Menggosok anggota wudhu'
14. Meletakkan bekas air sebelah kanannya sekiranya ia menceduk air dari bekas tersebut
15. Mendahulukan niat berwudhuk ketika membasuh anggota sunat untuk memperolehi pahala bagi semua basuhan itu.
16. Tidak bercakap tanpa keperluan
17. Tidak mengelap anggota wuduk kecuali kerana perlu.
18. Membaca doa selepas berwudhu'
19. Berselawat ke atas nabi s.a.w selepas berwudhu'
20. Menunaikan solat sunat dua rakaat selepas berwudhu'

سنن الوضوء

سنن الوضوء كثيرة، منها:

- ١- التسمية أوله
- ٢- غسل الكفين إلى الكوعين
- ٣- المضمضة
- ٤- الاستنشاق
- ٥- مسح جميع الرأس
- ٦- مسح الأذنين ظاهرا وباطنا
- ٧- تخليل اللحية الكثيفة
- ٨- تخليل أصابع اليدين والرجلين
- ٩- تقديم اليمنى على اليسرى
- ١٠- الطهارة ثلاثا
- ١١- الموالاة / التتابع
- ١٢- إطالة الغرة والتحجيل
- ١٣- ذلك الأعضاء
- ١٤- وضع الإناء عن يمينه إن كان يغترف منه
- ١٥- تقديم نيه الوضوء مع السنن القبلية ليحصل ثواب الجميع
- ١٦- ترك الكلام فيه بلا حاجة
- ١٧- ترك تشييف الأعضاء إلا الحاجة
- ١٨- الذكر المشهور عقبه
- ١٩- الصلاة على النبي ﷺ عقبه
- ٢٠- أن يصلى بعده ركعتين.

Perkara yang membatalkan wudhu'

Perkara yang membatalkan wudhu' ada lima iaitu:

- 1- Keluar sesuatu daripada salah satu dua jala (qubul / dubur)
- 2- Tidur yang tidak tetap papan punggungnya
- 3- Hilang akal
- 4- Menyentuh *perempuan ajnabi*⁸ tanpa berlapik
- 5- Menyentuh kemaluan manusia dengan tapak tangan

Perkara yang diharamkan ke atas orang yang berhadass

Diharamkan ke atas orang yang berhadass kecil perkara berikut:

1. Menunaikan solat sama ada solat fardhu atau sunat, melakukan *sujud sajdah*⁹ dan *sujud syukur*¹⁰
2. Melakukan tawaf sama ada tawaf fardhu atau sunat
3. Menyentuh al Quran dan membawanya

نواقض / مبطلات الوضوء

نواقض الوضوء خمسة أشياء وهي:

- ١- خروج شيء من أحد السبيلين
- ٢- النوم على غير المتمكن من مقعده
- ٣- زوال العقل
- ٤- لمس المرأة الأجنبية بدون حائل
- ٥- مس فرج الآدمي بباطن الكف.

ما يحرم على المحدث

ما يحرم على المحدث حدثاً أصغر ما يأتي:

- ١- الصلاة فرضاً أو نفلاً ، سجدة التلاوة والشكر
- ٢- الطواف فرضاً أو نفلاً
- ٣- مس المصحف وحمله

⁸ perempuan yang sah dinikahi

⁹ sujud kerana membaca ayat-ayat al Quran yang disunatkan sujud

¹⁰ sujud kerana mendapat ni'mat atau terlepas dari bencana

MANDI**Erti Mandi**

Mandi pada bahasa: mengalirkan air ke atas apa-apa benda

Dari segi istilah Syara': mengalirkan air ke atas seluruh badan dengan niat tertentu

Hukumnya

Hukum mandi adalah wajib

Perkara yang mewajibkan mandi

Perkara yang mewajibkan mandi itu ada enam :

- 1- Tiga daripadanya berlaku pada lelaki dan perempuan iaitu:
 - i. Bertemu *dua khitan*¹¹ sekalipun tidak mengeluarkan air mani
 - ii. Keluar air mani
 - iii. Mati kecuali mati syahid iaitu orang yang mati dalam memerangi orang kafir
- 2- Tiga perkara lagi hanya berlaku pada wanita, iaitu:
 - i. Haid iaitu darah yang keluar secara semulajadi dan normal, bukan disebabkan melahirkan anak
 - ii. Nifas iaitu darah yang keluar selepas melahirkan anak
- 3- Melahirkan anak

¹¹ alat kelamin / kemaluan lelaki dan perempuan

الغسل**تعريف الغسل**

لغة: سيلان الماء على الشيء مطلقاً

شرعاً: سيلان الماء على جميع البدن بنية مخصوصة

حكمه

حكم الغسل واجب

موجبات الغسل

والذي يوجب الغسل ستة أشياء:

- أ- ثلاثة منها تشترك فيها الذكور والإناث، وهي:
 - ١- التقاء الختانين ولو من غير إنزال المني
 - ٢- إنزال المني - أي خروجه
 - ٣- الموت إلا في الشهيد - وهو من مات في قتال الكفار بسببه.
- ب- وثلاثة منها تنفرد بها النساء، وهي:
 - ١- الحيض - وهو الدم الخارج على سبيل الصحة عن غير سبب الولادة
 - ٢- النفاس - وهو الدم الخارج عقب الولادة
 - ٣- الولادة.

Rukun Mandi

Rukun mandi ada tiga:

- 1- Niat – orang yang berjunub berniat mengangkat hadas besar atau mengangkat janabah atau untuk mengharuskan solat atau fardhu mandi atau mandi wajib
- 2- Menghilangkan najis yang ada pada badan
- 3- Menyampaikan air keseluruh badan

Sunat Mandi

Sunat-sunat mandi itu banyak, antaranya:

- 1- membaca basmalah, sekurang-kurangnya : “Bismillah”
- 2- Mengambil wudhu’ dengan sempurna sebelum mandi dan meniatkannya sebagai sunat mandi
- 3- Menggosok tubuh badan
- 4- Berturut-turut basuhan bagi orang yang bukan berada dalam keadaan darurat
- 5- Mendahulukan bahagian kanan atas yang kiri
- 6- Membasuh sebanyak tiga kali
- 7- Menyelati rambut kepala
- 8- Mengadap kiblat
- 9- Mandi di tempat yang tidak terkena percikan air

Perkara yang diharamkan ke atas orang berjunub

- 1- Solat
- 2- Membaca al Quran
- 3- Menyentuh al Quran dan membawanya
- 4- Tawaf (mengelilingi Kaabah)
- 5- Duduk di dalam masjid kecuali kerana dharurat

فرائض الغسل

فرائض الغسل ثلاثة:

- ١- النية – فينوي الجنب رفع الحدث الأكبر أو رفع الجنابة أو استباحة الصلاة أو فرض الغسل أو الغسل الواجب
- ٢- إزالة النجاسة العينية
- ٣- إيصال الماء إلى جميع البدن

سنن الغسل

وسنن الغسل كثيرة، منها:

- ١- التسمية، وأقلها – بسم الله
- ٢- الوضوء كاملاً قبله – وينوي "سنة الغسل"
- ٣- الدلك
- ٤- الموالاة في غير صاحب الضرورة
- ٥- تقديم اليمنى على اليسرى
- ٦- التثليث
- ٧- تخليل الشعر
- ٨- استقبال القبلة
- ٩- أن يكون في مكان لا ينال منه رشاش

ما يحرم على الجنب

- (١) الصلاة فرضاً ونفلاً
- (٢) قراءة القرآن
- (٣) مس المصحف وحمله
- (٤) الطواف
- (٥) اللبث في المسجد إلا لضرورة

Mandi-mandi sunat

- 1- Mandi pada hari Jumaat
- 2- Mandi pada dua hari raya
- 3- Mandi untuk *solat istisqa'* (solat minta hujan)
- 4- Mandi gerhana matahari dan bulan
- 5- Mandi bagi orang yang memandikan mayat
- 6- Mandi bagi orang yang baru memeluk Islam
- 7- Mandi bagi orang yang sembuh daripada gila atau pitam / pengsan
- 8- Mandi ketika ingin memakai ihram haji atau umrah
- 9- Mandi kerana memasuki kota Mekah
- 10- Mandi kerana wukuf di 'Arafah
- 11- Mandi untuk melontar batu ketiga-tiga Jamrah
- 12- Mandi kerana tawaf
- 13- Mandi kerana memasuki bandar Madinah al Munawwarah
- 14- Mandi untuk menghadiri perhimpunan yang baik
- 15- Mandi kerana berubah bau badan

الاغسال المسنونة

- (١) غسل الجمعة لمن يريد حضورها
- (٢) غسل العيدين
- (٣) غسل الاستسقاء
- (٤) غسل الكسوف للشمس والخسوف للقمر
- (٥) الغسل من غسل الميت
- (٦) غسل من أسلم
- (٧) غسل من أفاق من الجنون أو الإغماء
- (٨) الغسل عند إرادة الإحرام بحج أو عمرة
- (٩) الغسل لدخول مكة
- (١٠) الغسل للوقوف بعرفة
- (١١) الغسل للمبيت بمزدلفة
- (١٢) الغسل لرمي الجمار
- (١٣) الغسل للطواف
- (١٤) الغسل لدخول المدينة المنورة
- (١٥) الغسل للاجتماعات الخيرية
- (١٦) الغسل لتغير رائحة البدن

TAYAMMUM

Erti Tayammum

Tayammum pada bahasa: Tuju

Dari segi istilah Syara': menyampaikan tanah yang suci ke muka dan kedua tangan (berserta dengan niat)

Hukum dan Dalilnya

Hukum tayammum adalah wajib ketika ketiadaan air atau tidak dapat menggunakan air.

Dalil wajib tayammum itu banyak, antaranya:

- 1- Firman Allah Taala: dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau dalam pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah - debu yang bersih, iaitu: sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah - debu itu.
- 2- Sabda nabi s.a.w: "Dijadikan kepadaku bumi ini (keseluruhannya) sebagai masjid dan ianya suci".

Syarat Tayammum

Syarat-syarat tayammum ada lima, iaitu:

- 1- Ada keuzuran – daripada menggunakan air – disebabkan musafir atau sakit
- 2- Masuk waktu solat secara yakin
- 3- Mencari air selepas masuk waktu solat
- 4- Tidak dapat menggunakan air
- 5- Tanah yang suci yang mempunyai debu

التيمم

تعريف التيمم

التيمم لغة: القصد

وشرعا: إيصال تراب طهور إلى الوجه واليدين

حكمه ودليله

حكم التيمم واجب عند فقد الماء أو العجز عن استعماله.

ودليل وجوبه كثيرة، منها:

١- قوله تعالى: ﴿وَإِنْ كُنْتُمْ مَرَضَىٰ أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِّنْكُمْ مِّنَ

الْعَائِطِ أَوْ لَمَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ﴾

٢- قوله عليه الصلاة والسلام: "جعلت لي الأرض مسجدا وطهورا".

شروط التيمم

شروط التيمم خمسة أشياء، وهي:

١- وجود العذر – عن استعمال الماء – بسفر أو مرض

٢- دخول وقت الصلاة يقينا

٣- طلب الماء بعد دخول الوقت

٤- تعذر استعمال الماء

٥- التراب الطاهر الذي له غبار

Rukun Tayammum

Rukun tayammum ada lima, iaitu:

- 1- Memindahkan tanah ke anggota yang disapu
- 2- Niat – iaitu niat kerana mengharuskan solat atau seumpamanya
- 3- Menyapu muka
- 4- Menyapu dua tangan hingga ke siku
- 5- Tertib

Sunat Tayammum

Tayammum mempunyai sunat yang banyak, antaranya:

- 1- Membaca *basmalah*
- 2- Mendahulukan bahagian atas muka daripada bahagian bawah muka
- 3- Mendahulukan tangan kanan daripada tangan kiri
- 4- Berturut-turut (antara menyapu muka dan dua tangan) bagi orang yang tidak berkekalan hadas
- 5- Orang Yang bertayammum perlu mencabut cincinnya ketika menepuk tanah kali pertama
- 6- Membuka jari-jari ketika menepuk tanah
- 7- Mengadap ke arah kiblat
- 8- Tidak mengangkat tangannya sehingga sempurna menyapunya
- 9- Bersugi
- 10- Membaca doa / zikir yang biasa dibaca sebelum berwudhu' dan selepasnya

Perkara yang membatalkan tayammum

- 1- Setiap perkara yang membatalkan wudhu'
- 2- Melihat air ketika bukan waktu solat
- 3- *Murtad* (keluar dari agama Islam)

فرائض التيمم

فرائض التيمم خمسة أشياء، وهي:

- (١) نقل التراب إلى العضو الممسوح
- (٢) النية – أي نية استباحة الصلاة أو نحوها
- (٣) مسح الوجه
- (٤) مسح اليدين مع المرفقين
- (٥) الترتيب

سنن التيمم

للتيمم سنن كثيرة، منها:

- ١- التسمية
- ٢- تقديم أعلى الوجه على أسفله
- ٣- تقديم اليمنى على اليسرى
- ٤- الموالاة لغير دائم الحدث
- ٥- نزع المتيمم خاتمه في الضربة الأولى
- ٦- تفريق الأصابع في كل ضربة
- ٧- التوجه للقبلة
- ٨- ألا يرفع يده حتى يتم مسحه
- ٩- السواك
- ١٠- الدعاء / الذكر المشهور قبل الوضوء وبعده

مبطلات التيمم

- ١- كل ما أبطل الوضوء
- ٢- رؤية الماء في غير وقت الصلاة
- ٣- الردة

Hukum tentang Orang yang ada pembalut (pada anggota wudhuknya)

Apabila seseorang itu mempunyai sesuatu yang menutupi (anggota wuduk) seperti pembalut dari kayu atau lain-lain, ianya membetulkan dan mengikat tempat yang patah supaya bercantum kembali. **Orang yang ada pembalut** wajib menyapu keseluruhan tempat itu dengan air jika dia tidak dapat mencabutnya kerana bimbang akan mendatangkan bahaya, dan dia perlu bertayammum dan membasuh pada anggota yang sihat sekiranya ada dan boleh solat jika balutan itu selain dari anggota tayammum (Muka dan dua tangan) dan tidak mengambil mana-mana bahagian anggota yang sihat, sama ada ia diletakkan balutan itu ketika berhadass atau suci. Begitu juga jika balutan itu termasuk pada anggota yang sihat dengan kadar kawasan untuk mengikat balutan itu dan balutan itu dibuat ketika keadaan suci. Namun jika ianya pada anggota tayammum maka perlu diulang kembali secara umumnya. Begitu juga jika ianya bukan pada anggota tayammum dan balutan itu termasuk pada anggota sihat melebihi kadar kawasan untuk mengikat balutan itu, sama ada ianya dilakukan ketika berhadass atau suci. Begitu juga jika ianya dilakukan pada kadar kawasan untuk mengikat balutan itu dan balutan itu dibuat ketika keadaan berhadass.

حكم صاحب الجبائر

إذا كان عليه ساتر كالجيرة وهي أخشاب أو غيرها تسوى وتربط على موضع الكسر ليلتحم ، والواجب على من على عضوه جبيرة أن يمسح على جميعها بالماء إن لم يمكنه نزعها لخوف ضرر مما سبق ، ويتيمم ويغسل الصحيح إن كان ، ويصلي إن كانت الجبيرة في غير أعضاء التيمم (الوجه واليدين) ولم تأخذ من الصحيح شيئاً سواء وضعها على حدث أو على طهر ، وكذا إن أخذت الصحيح بقدر الاستمسك وكان قد وضعها على طهر، أما إذا كانت أعضاء التيمم فتجب الإعادة مطلقاً، وكذا إن كانت في غير أعضائه وأخذت من الصحيح زيادة على قدر الاستمسك سواء وضعها على حدث أو على طهر ، وكذا إن أخذت بقدر الاستمسك وكان وضعها على حدث.

Antara Tujuan bersuci**Menghilangkan Najis**

Definisi **Najasah** dari sudut **bahasa**: sesuatu yang kotor, walaupun ianya suci mengikut ulamak fekah seperti air liur yang diludah.

Dari sudut **istilah syarak**: Kotoran yang menghalang sahnya solat kerana tidak ada kelonggaran.

Hukum menghilangkan Najis:

Menghilangkan najis yang terkena pada seseorang dengan air adalah wajib ketika ingin menunaikan solat.

Bahagian Najis dan cara membersihkan setiap bahagian ini

Najis terbahagi kepada 3 bahagian:

Pertama: Najis berat: iaitu najis anjing dan babi dan binatang yang lahir daripada kedua-duanya atau dari salah satu dari kedua-duanya bersama dengan binatang yang suci. Bahagian yang terkena najis ini wajib dibasuh dengan air yang suci sebanyak 7 kali, salah satu daripadanya adalah air yang dicampur dengan tanah. Basuhan itu hendaklah meratai seluruh tempat yang terkena najis tersebut.

Kedua: Najis ringan: iaitu air kencing kanak-kanak lelaki yang tidak mencapai usia 2 tahun dan ianya tidak makan atau minum sebagai cara untuk mengeyangkan. Cara menyucikan najis ini adalah dengan merenjisikan air di kawasan yang terkena najis tersebut dan tidak disyaratkan mengalirkan air ke atas tempat tersebut.

Ketiga: Najis pertengahan: ia adalah najis-najis lain selain dua najis di atas.

Najis ini terbahagi kepada dua bahagian:

(i) **Najis aini** : Najis yang mana zatnya dapat diketahui dengan salah satu panca indera. Cara menyucikan najis ini adalah dengan menghilangkan zatnya dengan air dan berusaha menghilangkan sifat-sifatnya iaitu rasa, warna dan baunya.

من مقاصد الطهارة**إزالة النجاسة**

تعريف النجاسة في اللغة : الشيء المستقذر ولو كان طاهرا عند الفقهاء كالبصاق .
وفي الشرع : مستقذر يمنع من صحة الصلاة حيث لا مرخص.

حكم إزالتها :

إزالة ما يصيب الإنسان من هذه النجاسات بالماء واجب عند إرادة القيام إلى الصلاة

أقسام النجاسة وكيفية الطهارة لكل قسم

تنقسم النجاسة إلى ثلاثة أقسام :

الأول : نجاسة مغلظة : وهي نجاسة الكلب والخنزير وما تولد منهما أو من أحدهما مع حيوان طاهر ، وهذه النجاسة يجب غسل ما أصابته بماء طهور سبع مرات إحداهن مصحوبة بتراب طهور يعم المحل المتنجس.

الثاني : نجاسة مخففة : وهي بول الصبي الذكر الذي لم يبلغ الحولين ولم يتناول مأكولا ولا مشروبا على سبيل التغذي والطهارة منها تكون برش الماء على ما أصابته، ولا يشترط سيلان الماء عليه.

الثالث : نجاسة متوسطة : وهي باقي أنواع النجاسة غير ما تقدم في القسمين السابقين وهي نوعان:

(أ) نجاسة عينية : وهي التي تكون عينها محسوسة بأحد الحواس ، والطهارة منها تكون بإزالة عينها بالماء ومحاولة إزالة أوصافها من طعم ولون وريح.

(ii) Najis Hukmi: Najis yang Tidak dapat diketahui dengan salah satu panca indera. iaitu tidak ada kesan pada tempat yang terkena najis tersebut seperti zat, rasa, warna atau baunya seperti air kencing yang telah kering dan tidak diketahui sifatnya.

Syarat membasuh benda yang terkena najis, sekiranya air itu sedikit, air itu hendaklah mengalir bukannya air bertakung, sekira sebaliknya maka ia tidak suci. Air yang banyak tidak disyaratkan sedemikian.

Najis yang dimaafkan

Tidak dimaafkan apa pun dari benda najis kecuali najis yang sedikit pun pada uruf, seperti darah, muntah, nanah, dan apa yang keluar dari bisul, luka, dan darah kutu. maka ianya dimaafkan jika terkena pada pakain atau badan selagi perkara tersebut bukan dari perbuatan seseorang itu. Solatnya sah walaupun ada najis tersebut. Binatang yang tidak mempunyai darah yang mengalir ketika dicabut anggotanya seperti lalt, semut dan seumpamanya, apabila bintang tersebut jatuh ke dalam bekas dengan sendiri kemudian mati dan tidak merubah keadaannya, maka ia tidak menajiskannya.

Hukum Air basuhan

Air basuhan tempat najis iaitu air yang menghilangkan najis selepas sucinya tempat basuhan maka ia adalah bersih jika berpisah tanpa ada perubahan dan tidak bertambah timbangannya selepas berpisah daripada air yang diandaikan menyerap pada tempat yang dibasuh itu. Perkara ini apabila ianya tidak sampai sukatan dua kolah. Sekiranya sampai sukatan dua kolah, maka disyaratkan air itu tidak berubah.

Suci dengan cara berubah secara semulajadi

Benda yang terkena najis itu suci dengan membasuhnya dengan air, seperti yang dijelaskan sebelum ini, begitulah juga najis itu sendiri menjadi suci dengan cara perubahan secara semula jadi, iaitu perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain.

(ب) نجاسة حكمية : وهي لا تكون محسوسة بأحد الحواس ، أي لا أثر لها فيما أصابته من جرم^{١٢} أو طعم أو لون أو ريح كبول جف ولم تدرك له صفة.

يشترط في غسل المنتجس إن كان الماء قليلا أن يكون الماء واردا لا مورودا ، فإن عكس لم يطهر، أما الماء الكثير فلا يشترط فيه ذلك.

النجاسة المعفو عنها

لا يعفي عن شيء من الأعيان النجسة إلا اليسير عرفا من الدم والقيح والصدید وما يخرج من الدمامل والجروح ودم البراغيث ، فيعفي في ثوب أو بدن ما لم يكن بفعله ، وتصح الصلاة معها، وما لا دم له سائل عند شق عضو منه كذباب ونمل ونحوهما إذا وقع في الإناء بنفسه ومات فيه ولم يغيره، فإنه لا ينجسه.

حكم الغسالة

وغسالة النجاسة وهي الماء الذي أزيلت به بعد طهارة المحل المغسول طاهرة إن فصلت غير متغيرة ولم يزد وزنها بعد انفصالها عما كان بعد اعتبار مقدار ما يتشربه المغسول من الماء هذا إذا لم تبلغ قلتين ، فإن بلغتهما فالشرط عدم التغير.

الطهارة بالاستحالة

وكما يطهر المنتجس بغسله بالماء على ما سبق تفصيله يطهر النجس نفسه باستحالته، وهي انقلابه من حالة إلى حالة .

^{١٢} الجرم: هو الشيء الذي له وزن أو حجم

Arak dan semua cecair yang memabukkan, sama ada ianya diperah oleh orang Islam atau tidak, jika ia berubah menjadi cuka dengan sendirinya tanpa disertai dengan benda lain, maka ia adalah suci. Begitu juga jika ia menjadi cuka dengan memindahkannya dari bawah tempat naungan ke tempat terik matahari atau sebaliknya. Jika ia menjadi cuka dengan disertai benda lain maka ia tidak suci kerana sesuatu yang masuk padanya itu sekiranya benda itu najis maka ia menjajiskannya selepas menyerap di dalamnya dan sekiranya benda itu suci maka ia menjadi najis kerana arak tersebut sebelum berubah menjadi cuka seterusnya cuka itu turut menjadi najis. Apabila arak yang menjadi cuka itu suci, bekasnya juga turut menjadi suci.

فالخمر وكل مسكر مائع غيرها سواء كان عاصرها مسلما أم لا إذا تخللت أي صارت خلا بنفسها من غير مصاحبة عين فيها طهرت ، وكذا لو تخللت بنقلها من ظل إلى شمس وعكسه ، وإن تخللت بمصاحبة عين لها لم تطهر لأن الشيء الواقع فيها إن كان نجسا فقد نجسها بعد التخلل ، وإن كان طاهرا فقد تنجس من الخمر قبل التخلل وعاد على الخل بالتنجس ، وإذا طهرت الخمرة بالتخلل طهر وعاءها تبعاً لها.

أسئلة

س: ما النجاسة لغة وشرعا؟ وما حكم إزالتها؟ وما أقسامها مع تعريف كل قسم؟ وما هي النجاسة المعفو عنها؟ وما حكم الخمر لو تخللت بنفسها؟ أو تخللت بطرح شيء فيها؟

Huraian tentang haid, nifas dan istihadah

Tiga jenis darah yang keluar dari kemaluan wanita: darah haid, darah nifas, dan darah istihadah

Haid adalah darah yang keluar dari kemaluan wanita yang telah mencapai usia lebih kurang 9 tahun Hijrah dalam keadaan sihat dan secara semula jadi, bukannya dengan sebab melahirkan anak. Warnanya hitam, hangat dan tajam.

Nifas adalah darah yang keluar selepas bersalin sebelum berlalunya 15 hari. Darah yang keluar bersama anak atau sebelum melahirkan anak tidak dipanggil sebagai nifas, dan darah yang keluar setelah 15 hari berlalu dianggap sebagai haid dan bukannya nifas ketika itu.

Hari-hari haid

Istihadah: Darah yang keluar di luar tempoh haid dan nifas, bukan dalam keadaan sihat.

Tempoh minimum haid: Kadar sehari semalam, iaitu 24 jam serta darah itu biasa berkait dengan haid.

Tempoh maksimum haid : 15 hari serta malamnya, sekalipun darah itu tidak berterusan. Jika melebihi tempoh tersebut maka darah yang lebih itu adalah darah istihadah. Kebiasaannya 6 atau 7 hari.

Tempoh minimum nifas: sekelip mata (seketika). Darah Nifas bermula ketika anak dilahirkan itu keluar sepenuhnya. Tempoh maksimum nifas adalah 60 hari. Kebiasaannya 40 hari.

بيان أحكام الحيض والنفاس والاستحاضة

يُخرج من قبل المرأة ثلاثة دماء : دم الحيض ، ودم النفاس، ودم الاستحاضة

الحيض : هو الدم الخارج من قبل المرأة التي بلغت تسع سنين قمرية تقريبا على سبيل الصحة والطبيعة من غير سبب الولادة ، ولونه أسود محتمد لذاع^{١٣} .

النفاس : هو الدم الخارج عقب الولادة وقبل مضي خمسة عشر يوما ، فالخارج مع الولد أو قبله لا يسمى نفاسا ، والخارج بعد مضي خمسة عشر يوما يعتبر حيضا ولا نفاس لها حينئذ.

أيام الحيض

الاستحاضة : هي الدم الخارج في غير أيام الحيض والنفاس لا على سبيل الصحة وأقل زمن الحيض : مقدار يوم وليلة ، وهو أربع وعشرون ساعة مع اتصال الدم المعتاد بالحيض.

أكثره خمسة عشر يوما بلياليها ، وإن لم يتصل الدم ، فإن زاد كان الزائد دم استحاضة وغالبه ست أو سبع.

أقل زمن النفاس : لحظة ، وابتداء النفاس عند انفصال الولد ، وأكثره ستون يوما ، وغالبه أربعون يوما

^{١٣} (أي حار موجه) مأخوذ من احتدام النهار، وهو اشتداد حرّه (الافئاع ص ١٤٤)

Tempoh minimum suci antara 2 haid ialah 15 hari, dan tidak ada batasan bagi tempoh maksimumnya. Wanita itu mungkin sepanjang masa tidak haid, tetapi kebiasaan tempoh suci itu dikira dengan kebiasaan haid. Jika haid itu 6 hari maka tempoh sucinya 24 hari, Jika haid itu 7 hari maka tempoh sucinya 23 hari,

Seawal-awal usia perempuan yang didatangi haid adalah: 9 tahun Hijrah, jika dia melihatnya sebelum cukup usia 9 tahun yang tidak mencukupi tempoh haid dan suci, maka ia adalah haid sekiranya tidak sedemikian maka itu bukanlah haid.

Sekurang-kurang tempoh kehamilan adalah 6 bulan dan dua saat, dan tempoh kehamilan yang paling lama adalah 4 tahun. Kebiasaannya 9 bulan.

Perkara yang diharamkan semasa haid dan nifas

Perkara yang diharamkan ketika haid dan nifas 8 perkara:

- 1- Solat, sama ada solat fardhu atau sunat, sujud tilawah dan sujud syukur.
- 2- Puasa, sama ada puasa fardhu atau sunat.
- 3- Membaca Al-Quran
- 4- Menyentuh Al-Quran.
- 5- Memasuki masjid.
- 6- Tawaf, sama ada wajib atau sunat.
- 7- Bersetubuh walaupun di bahagian dubur, walaupun selepas berhentinya darah dan sebelum mandi wajib.
- 8- Berseronok-seronok di kawasan antara pusat dan lutut wanita.

أقل الطهر : بين الحيضتين خمسة عشر يوماً ، ولا حد لأكثره ، فقد تمكث المرأة دهرها بلا حيض، أما غالب الطهر فيعتبر بغالب الحيض ، فإن كان الحيض ستا فالطهر أربعة وعشرون يوماً ، وإن كان سبعا فالطهر ثلاثة وعشرون يوماً.

أقل زمن تحيض فيه المرأة : تسع سنين قمرية، فإن رأته قبل تمام التسع لا يسع حيضا وطهرا فهو حيض وإلا فلا .

أقل زمن الحمل ستة أشهر ولحظتان ، وأكثره أربع سنين وغالبه تسعة أشهر .

ما يحرم بالحيض والنفاس

يحرم بالحيض والنفاس ثمانية أشياء :

١- الصلاة فرضا ونفلا ، وسجدة التلاوة والشكر.

٢- الصوم فرضا ونفلا

٣- قراءة القرآن الكريم

٤- مس المصحف.

٥- دخول المسجد.

٦- الطواف فرضا أو نفلا .

٧- الوطء ولو في الدبر ولو بعد انقطاع الدم وقبل الغسل.

٨- الاستمتاع بما بين السرة والركبة من المرأة .

أسئلة

س: ما الحيض؟ وما النفاس؟ وما الاستحاضة؟ وما أقل زمن الحيض؟ وما أقل النفاس؟

وما أقل الطهر بين الحيضتين؟ وما الذي يحرم بالحيض والنفاس؟